



www.moh.gov.bn corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI SELASA

23 Syawal 1443 / 24 Mei 2022

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Semalam, Isnin, 22 Syawal 1443 bersamaan dengan 23 Mei 2022, sebanyak 234 dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 33,809 dos iaitu 78.8% bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak 985 dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun

yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 16,439 dos iaitu 38.3%.

2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan dua dos vaksin ialah **98.6%** manakala **69.7%** juga telah mendapatkan dos ketiga vaksin.

3. Hari ini, Selasa, 23 Syawal 1443 bersamaan dengan 24 Mei 2022, sebanyak **246 kes baru** telah dilaporkan iaitu 245 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 454 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes

yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **147,021** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (*ICU*) dan **tidak ada kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **223 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **145,166 kes.**

- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,633 kes** iaitu 12 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,621 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
4. Marilah kita terus menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan kesihatan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam agar negara kita sentiasa di dalam keadaan aman dan sejahtera lagi dirahmati oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamiin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 23 Syawal 1443 / 24 Mei 2022